

Pertubuhan Alumni UMS tetapkan visi bantu universiti

NST 26 MAC 2016 5

KOTA KINABALU: Pertubuhan Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) menetapkan beberapa visi dan misi dalam membantu mempertingkatkan pembangunan universiti itu menerusi kerjasama dan sumbangan daripada alumni.

Ia adalah antara yang dicapai dalam Perhimpunan dan Persidangan Agung Tahunan Pertama atau dikenali sebagai PEPAT Pertubuhan Alumni UMS baru-baru ini.

Presiden Pertubuhan Alumni UMS yang juga Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sabah, Dato Dr Hj Janathan Kandok, berkata tujuan utama perhimpunan itu diadakan bagi melantik Jawatankuasa Eksekutif Pertubuhan Alumni UMS 2016/2018.

Katanya, Pertubuhan Alumni UMS yang baru sahaja didaftarkan pada 14 Julai 2015, kini aktif dalam melaksanakan aktiviti yang telah dirancang sepanjang tempoh dua tahun.

"Pertubuhan alumni sebenarnya memainkan peranan penting dalam membawa aset universiti iaitu "alumni" dalam membantu mempertingkatkan pembangunan universiti melalui kerjasama dan sumbangan alumni.

"Matlamat kita adalah untuk menjadikan Pertubuhan Alumni UMS yang dinamik melalui jalinan alumni ke arah mencapai visi dan misi UMS. Ini kerana dua entiti ini (alumni dan UMS) jelas saling memerlukan antara satu sama lain.

"Oleh itu, pertubuhan telah menetapkan beberapa misi yang digariskan sebagai hala tuju yang hendak dicapai melalui pertubuhan," katanya dalam kenyataannya di sini.

Antara misi pertubuhan Alumni UMS itu katanya ialah mendapatkan sumbangan ahli

untuk pembangunan UMS dan meningkatkan 'sense of belonging' ke atas UMS.

"Selain itu, kita mahu menjalinkan hubungan antara alumni sendiri dan antara alumni dengan UMS. Kita juga berharap sasaran pertubuhan untuk mendapatkan dan mengisi tabung dana alumni melalui aktiviti khidmat masyarakat bagi membantu mahasiswa yang memerlukan bantuan dapat dilaksanakan.

"Pertubuhan Alumni UMS juga diharapkan menjadi medium bagi semua alumni untuk memberi atau menerima sumbangan kepakaran, material, khidmat nasihat ke arah meningkatkan kualiti pengajian institusi," katanya.

Pada perhimpunan julung kali itu, selain Janathan dipilih sebagai Presiden pertubuhan, Timbalan Presiden disandang oleh Datuk Hj Aliasgar Basri manakala Setiausaha Agung, Dayangku Rozlina Datuk Pg Aliuddin; Penolong Setiausaha Agung, Natasha Haneem Yusoff; Bendahari Agung, Dg Maimunah Sidek dan Penolong Bendahari Agung, Nasil Abadin.

Tiga Naib Presiden iaitu Prof Madya Mat Zin Mat Kib; Rohani Hadi dan Mohammad Norazmi Haris. - **OLEH MARRYAN RAZAN** (marryan@newsabahtimes.com.my)

BERSAMA... Janathan (empat dari kanan) bersama Jawatankuasa Eksekutif Pertubuhan Alumni UMS 2016/2018, sempena Perhimpunan dan Persidangan Agung Tahunan Pertama (PEPAT) Pertubuhan Alumni UMS, baru_baru ini.